Akaun Tahunan



Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2002

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2002

Saya telah mengaudit Kunci Kira-kira Bank Negara Malaysia seperti pada 31 Disember 2002 dan Akaun Pengagihan Untung Rugi bagi tahun tersebut. Pihak pengurusan Bank Negara Malaysia bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan kepada pengauditan yang dijalankan.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Piawaian-piawaian tersebut mengkehendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan Bank Negara Malaysia adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod-rekod secara semak uji, menyemak bukti-bukti yang menyokong angka-angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2002 dan hasil operasinya untuk tahun tersebut.

(DATUK DR. HADENAN BIN ABDUL JALIL)
KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
11 MAC 2003

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, Zeti Akhtar Aziz dan Datuk Oh Siew Nam, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, kunci kira-kira dan akaun pengagihan untung rugi berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2002 dan hasil kendaliannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

ZETI AKHTAR AZIZ

PENGERUSI

7 MAC 2003
KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga,

DATUK OH SIEW NAM

PENGARAH

7 MAC 2003
KUALA LUMPUR

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA

Saya, Abdul Aziz Abdul Manaf, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Bank Negara Malaysia, dengan ikhlasnya mengakui bahawa kunci kira-kira dan akaun pengagihan untung rugi berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh)
penama di atas di Kuala Lumpur)
pada 7 haribulan Mac 2003.)

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
No. W080
Nama:
ISMAIL BIN IBRAHIM
MALAYSIA

Lot 28.4, Menara Maybank
100, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur

Bank Negara Malaysia

Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2002

LIABILITI		Nota	2002 RM	2001 RM
Modal Dibenar	RM200,000,000			
Modal Dibayar		2	100,000,000	100,000,000
Kumpulan Wang Rizab Am		3	5,398,963,841	5,067,022,733
Rizab-rizab Lain		4	24,744,032,881	18,353,074,749
Mata Wang dalam Edaran			27,137,417,900	25,385,434,696
Deposit:				
Bank Perdagangan, Syarikat Kewangan dan Bank Saudagar			69,864,345,027	54,655,303,228
Kerajaan Persekutuan			13,827,163,949	25,236,916,020
Deposit-deposit Lain		5	5,613,870,679	10,642,678,946
Kertas Bank Negara			12,280,763,725	7,477,409,483
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas		6	718,346,440	664,034,013
Liabiliti-liabiliti Lain			2,512,656,290	2,096,375,475
			162,197,560,732	149,678,249,343

Akaun Pengagihan Untung Rugi bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002

	2002 RM	2001 RM
Pindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Am	331,941,108	206,055,365
Amaun akan dibayar kepada Kerajaan Persekutuan	500,000,000	500,000,000
	831,941,108	706,055,365

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada akaun ini.

ASET	Nota	2002 RM	2001 RM
Emas dan Pertukaran Asing	7	127,515,059,930	113,542,290,653
Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa		3,315,547,927	3,193,521,377
Milikan Hak Pengeluaran Khas		585,019,336	487,814,793
Kertas Kerajaan Malaysia	8	29,384,948	280,689,715
Deposit dengan Institusi Kewangan		2,902,228,350	1,193,115,000
Pinjaman dan Pendahuluan		8,015,270,790	8,934,922,674
Perbelanjaan Tertunda	9	570,720,918	1,141,441,833
Aset-aset Lain	10	19,264,328,533	20,904,453,298
		162,197,560,732	149,678,249,343

	2002 RM	2001 RM
Keuntungan Bersih	831,941,108	706,055,365
	831,941,108	706,055,365

Nota-nota Kepada Akaun - 31 Disember 2002

1. **Dasar Perakaunan**

   (a) **Emas, Sekuriti dan Pelaburan**
   Emas, sekuriti dan pelaburan dinyatakan pada kos dan peruntukan telah dibuat untuk penyusutan nilai pada 31 Disember 2002.

   (b) **Pertukaran Mata Wang Asing**
   Aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira. Urus niaga dalam mata wang asing di sepanjang tahun telah ditukarkan kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh nilai.

   Rizab Antarabangsa yang terdiri daripada Emas dan Pertukaran Asing, Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa dan Milikan Hak Pengeluaran Khas pada 31 Disember 2002 adalah sebanyak RM131,415.6 juta bersamaan dengan AS$34,583 juta.

2. **Modal Dibayar**
   Kesemua modal yang dikeluarkan dan dibayar penuh sebanyak RM100 juta dimiliki oleh Kerajaan Malaysia.

3. **Kumpulan Wang Rizab Am**

	2002 RM	2001 RM
Pada 1 Januari	5,067,022,733	4,860,967,368
Pindahan daripada Keuntungan Bersih	331,941,108	206,055,365
Pada 31 Disember	5,398,963,841	5,067,022,733

4. **Rizab-rizab Lain**
   Rizab-rizab lain terdiri daripada Rizab Turun Naik Kadar Pertukaran dan Rizab Luar Jangka.

5. **Deposit-deposit Lain**
   Sebahagian besar daripada deposit ini adalah deposit dari Badan-badan Berkanun Persekutuan.

6. **Peruntukan Hak Pengeluaran Khas**
   Negara-negara ahli Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) diperuntukkan Hak Pengeluaran Khas (SDR) berasaskan kepada yuran mereka kepada IMF. Peruntukan ini merupakan satu liabiliti Bank yang tidak aktif terhadap IMF, di mana aset diterima dalam bentuk SDR dari IMF. Jumlah bersih terkumpul peruntukan ini adalah sebanyak RM718,346,440 bersamaan dengan SDR139,048,000.

7. **Emas dan Pertukaran Asing**

	2002 RM	2001 RM
Sekuriti Asing	100,151,230,400	73,906,519,326
Deposit Asing	14,195,692,918	22,979,839,902
Baki di Bank Pusat Asing, Bank for International Settlements (BIS) dan IMF	2,696,527,431	7,584,696,571
Lain-lain	10,471,609,181	9,071,234,854
	127,515,059,930	113,542,290,653

8. **Kertas Kerajaan Malaysia**

	2002 RM	2001 RM
Sekuriti Kerajaan Malaysia	29,384,948	32,419,715
Sijil Pelaburan Kerajaan	-	248,270,000
	29,384,948	280,689,715

9. **Perbelanjaan Tertunda**
Ini merupakan kekurangan bersih hasil dari urus niaga pertukaran asing pada tahun 1993. Kerajaan Malaysia telah memberi jaminan untuk menanggung kekurangan ini pada bila-bila masa dikehendaki oleh Bank. Amaun ini dilunaskan untuk tempoh 10 tahun bermula tahun 1994.

10. **Aset-aset Lain**
Aset-aset lain termasuk pelaburan di dalam saham dan bon sebanyak RM19,137,397,334 yang dibeli di bawah seksyen 30(1)(j) dan seksyen 30(1)(oo)(i) Akta Bank Negara Malaysia 1958 (Pindaan - 1994).

11. **Liabiliti Luar Jangka**
Jumlah liabiliti luar jangka pada 31 Disember 2002 adalah RM4,583,107,520. Ia terdiri daripada:-

(a) amaun RM4,514,174,688 yang merupakan kewajipan Bank untuk membayar dengan sepenuhnya jumlah kuota Malaysia dalam IMF di bawah Artikel Persetujuan dalam SDR atau mata wang lain yang boleh ditukarkan; dan

(b) amaun RM68,932,832 yang merupakan kewajipan Bank untuk membayar bahagian yang belum dipanggil terhadap 3,000 unit saham yang dipegang di dalam BIS. Jumlah tersebut adalah berdasarkan pada nilai nominal (dalam franc emas) bahagian yang belum dipanggil tersebut dan harga emas seperti pada tarikh kunci kira-kira.